



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Sindiket tipu guna laman web perbankan palsu
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 16 April 2021

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 18

Sindiket tipu guna laman web perbankan palsu

Kuala Lumpur: Polis mengesan kewujudan sindiket mewujudkan pautan laman web palsu menyamai laman web Maybank2u, bagi tujuan penipuan.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Zainuddin Yaacob, berkata setakat ini pihaknya menerima empat laporan polis berkaitan kes sedemikian membatik kerugian RM22,300.

"Siasatan mendapati mangsa menerima e-mel kononnya dihantar pihak Maybank menyatakan akaun bank mereka mempunyai masalah keselamatan

dan mangsa diminta menekan pautan yang disertakan bersama e-mel terbabit.

"Bila pautan itu ditekan, laman web palsu yang kelihatan seperti laman web Maybank2u akan dipaparkan dan mangsa tidak menyedari yang ia adalah laman web palsu," katanya dalam kenyataan, semalam.

Zainuddin berkata, mangsa kemudian dikehendaki mengemas butiran peribadi, kata laluan serta nombor telefon melalui laman web palsu itu dan tidak lama selepas itu, mangsa mendapati wang dalam akaun masing-masing

berkurangan.

Bagaimanapun, katanya, kes terbaru yang diterima menunjukkan mangsa menerima pautan laman web palsu itu melalui iklan cabutan bertuah Maybank yang dipaparkan melalui Facebook.

"Kita minta orang ramai berhati-hati dengan memastikan alamat URL yang dipaparkan bagi laman web Maybank2u yang dibuka benar-benar sama dengan alamat laman web Maybank2u.

"Orang ramai juga perlu mendapatkan pengesahan pihak

bank sekiranya menerima e-mel yang meminta mereka mengemas kini maklumat peribadi melalui laman web bank Maybank2u," katanya.

Katanya, orang ramai juga boleh berhubung dengan 'Scam Response Center' JSJK di talian 03-26101559 atau 03-26101599 jika mempunyai sebarang keraguan berkaitan sesuatu urusan.

Dalam pada itu, Zainuddin turut mengingatkan orang ramai berhubung taktik penipuan yang digunakan sindiket kononnya 'tersalah memasukkan wang' ke akaun mangsa yang disasarkan.

"Sindiket akan menghubungi mangsa dan menyatakan dia tersilap memasukkan wang ke akaun mangsa dan meminta wang itu dikembalikan.

"Mangsa yang mengikuti arahan akan dihubungi semula dalam tempoh tidak sampai sebulan oleh syarikat peminjam wang tanpa lesen dan dipaksa membayar 'pinjaman' yang kononnya dibuat oleh mangsa," katanya.

Nilai pinjaman adalah sama dengan jumlah wang yang kononnya tersalah dimasukkan ke akaun bank mangsa.